

**Umno Sabah wajar dapat kerusi naib...
Malaysiakini.com
Oct 5, 2008
Muda Mohd Noor**

Beberapa pemimpin Umno bersetuju satu kerusi naib presiden Umno diperuntukkan kepada pemimpin dari Sabah sebagai mengiktiraf sumbangan mereka kepada parti itu.

Mereka juga berpendapat bahawa pemimpin Umno Sabah juga mempunyai kebolehan yang sama dengan pemimpin Umno dari Semenanjung dan perwakilan perlu menilai kewibawaan mereka.

Ketua Umno bahagian Pulau, Datuk Nur Jazlan Mohamed berkata, Umno kini bergantung kepada Sabah untuk mengekalkan kuasa setelah kalah teruk dalam pilihanraya umum lalu.

"Pengorbanan Umno Sabah sangat besar kerana mereka masih setia kepada parti ketika Umno menghadapi kekalahan seperti sekarang ini.

"Dahulu pun kerajaan Pusat merampas kerajaan negeri Sabah yang ketika itu diperintah oleh Parti Bersatu Sabah (PBS) pada tahun 1984," katanya ketika dihubungi Malaysiakini.

Beliau mengulas kenyataan timbalan pengerusi badan perhubungan Umno Sabah, Datuk Shafie Apdal supaya satu jawatan untuk naib presiden Umno diberikan kepada Sabah.

Nur Jazlan yang juga ahli Parlimen Pulau berkata, sekalipun Shafie meminta supaya diberikan jawatan naib presiden, tetapi kata putus terletak kepada perwakilan dalam perhimpunan agung kelak.

Perhimpunan agung Umno akan diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) dari 24 hingga 28 Mac tahun depan.

Eratkan hubungan

Sementara itu, ketua Pemuda Umno Selangor, Syukur Idrus berkata, jika seorang naib presiden Umno datang dari Sabah, ia boleh merapatkan hubungan Semenanjung dengan Sabah.

Katanya, perwakilan perlu menilai dan mengiktiraf pemimpin dari Sabah kerana seharusnya tidak ada perbezaan antara pemimpin negeri itu dengan negeri-negeri lain.

"Pemilihan seorang naib presiden Umno dari Sabah juga memberi peluang kepada pemimpin dari negeri itu untuk memegang jawatan yang lebih tinggi, iaitu menjadi perdana menteri.

"Saya tidak kata perwakilan wajib mengundi pemimpin dari Sabah supaya menjadi naib presiden, tetapi perwakilan perlu menilai kewibawaan pemimpin dari negeri tersebut," katanya.

Syukur yang juga ketua Umno bahagian Selayang yang baru berkata, para perwakilan perlu memberi keadilan kepada pemimpin Sabah sebagaimana yang diberikan kepada pemimpin dari Semenanjung.

Setiausaha pergerakan Pemuda Umno, Datuk Abdul Rahman Dahlan berkata, pemimpin umno Sabah mahu kualiti kepimpinan mereka diiktiraf oleh negeri-negeri lain.

Beliau yang juga ahli Parlimen Tuaran, Sabah berkata, pengiktirafan tersebut tersebut bukan sahaja untuk jawatan naib presiden, tetapi juga jawatan-jawatan utama lain termasuk Pemuda dan Puteri.

"Tetapi kita menyerahkan kepada perwakilan untuk menilainya tetapi semakin ramai yang bertanding ada baiknya juga kerana memberi lebih pilihan kepada perwakilan untuk memilih," katanya.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/92470>